

TANGGUNGJAWAB MENUNAIKAN AMANAH SURAH AN-NISA' : 58

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا
بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

“*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah Dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*”

HURAIAN

Setiap orang memikul tanggungjawab untuk menunaikan amanah. Sebagai hamba Allah S.W.T, kita mesti menyempurnakan segala hak Allah S.W.T. Sebagai manusia yang sentiasa berinteraksi dengan manusia lain, kita juga perlu menunaikan amanah yang berkaitan dengan hak-hak manusia. Sehubungan itu, amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas kita mempunyai pelbagai bentuk. Maka kita juga bebas menyempurnakan amanah-amanah tersebut dengan pelbagai cara. Bagi ibu bapa, anak-anak merupakan amanah Allah S.W.T yang mesti dipelihara dan dididik dengan akhlak yang mulia. Begitu juga sebaliknya. Anak-anak mesti berbakti kepada ibu bapa semasa mereka masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Setiap orang bertanggungjawab dan akan dinilai sejauh mana ia menunaikan tanggungjawabnya dengan penuh amanah. Bahkan Islam menganggap orang yang tidak beramanah sebagai orang yang tidak sempurna imannya.

Sejarah membuktikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w mudah menyebarkan risalah Islam kerana baginda dari awal lagi dikenali sebagai seorang yang sangat beramanah atau “al-Amin”. Sifat mulia ini Nabi buktikan sehingga ke akhir hayat. Semasa baginda merayakan kejayaan membuka semula Kota Mekah, baginda mengambil kunci Kaabah dari penyimpan kunci Kaabah, Othman bin Talhah dan seterusnya membersihkan Kaabah dari segala imej kekufuran. Setelah selesai, baginda menyerah

kembali kuncinya walaupun Islam berada di pihak yang menang. Apa yang penting matlamat asal untuk membersihkan akidah telah tercapai.

KESIMPULAN

Jelas terbukti bahawa akidah yang suci mampu membina sifat amanah yang mulia. Orang yang amanah dikasihi Allah S.W.T dan digemari oleh manusia.

Sumber : *Koleksi Artikel Tafsir JAKIM*

© 2009 Masjid Negara Online.

MASJID NEGARA Online